

# Perusahaan alat ganti kereta kini digalakkan —Mahathir

**KUALA LUMPUR, Selasa** — Kerajaan sedang menyusun rancangan menggalakkan pelabur luar dan tempatan melabur modal di dalam perusahaan membuat alat-alat ganti (component parts) kereta-bermotor yang dipasang di negara ini.

Mengumumkan demikian hari ini, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, penggalakkan itu adalah sebagai langkah mengambil alih pasaran alat-alat tersebut yang dibuat di negara asalnya.

Bellau yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian menegaskan, projek-projek baru dalam perusahaan membuat alat-alat ganti itu masih boleh diberikan pertimbangan untuk berbagai corak galakan.

Berucap merasmikan sebuah kilang kaca usahasama Jepun-Malaysia — Malaysian Sheet Glass Berhad, di Batu 13, Sungai Buloh, dekat sini, bellau menyatakan, masih terdapat banyak peluang pelaburan di dalam berbagai jenis bidang yang perusahaan yang mempunyai potensi di negara ini.

Katanya lagi, salah satu daripadanya ialah pembangunan perusahaan-perusahaan membuat alat-alat ganti kereta bermotor.

Menurut bellau, perusahaan tersebut telah disenaraikan sebagai salah satu daripada kumpulan perusahaan yang ditutama dan digalakkan oleh Kerajaan.

## Pertukaran

Kata Datuk Seri Dr. Mahathir, perusahaan tersebut boleh menambahkan lagi pertukaran wang asing, di samping dapat memberi kemahiran teknologi yang sophisticated dan menambah peluang pekerjaan.

Katanya lagi, perusahaan alat-alat ganti ini juga boleh mencetuskan aktiviti-aktiviti kepada lain-lain perdagangan dan perusahaan yang berkaltan dan dalam masa yang sama menjadi persaingan kepada perusahaan memasang kereta bermotor di negara ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir menganggap meleset dakwaan setengah pihak bahawa sukar bagi mendapatkan alat-alat ganti bagi kereta-kereta yang di pasang di negara ini kerana ia mempunyai berbagai jenis model.

Katanya, kita telah mengambil sikap yang sederhana dalam melaksanakan dasar tempatan.

Mengenai penggunaan bahan-bahan atau bahagian kereta buatan tempatan dalam perusahaan memasang kereta di negara ini, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, ia akan dijalankan secara berperingkat-peringkat.

Katanya lagi, dasar menambahkan penggunaan bahan-bahan atau bahagian-bahagian kereta buatan tempatan secara berperingkat-peringkat itu ditimbang dari segi kestabilan dan kemajuan perusahaan memasang kereta di negara ini.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia